

20 MAR 2004

Taib-Islam

CORAK PEMERINTAHAN LIBERAL BN PERLU DIKEKALKAN, KATA ABDUL TAIB

KUCHING, 20 Mac (Bernama) -- Corak pemerintahan Islam liberal yang telah menjadi amalan di negara ini perlu diteruskan bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, corak pemerintahan seperti itu telah menjadi amalan kerajaan di bawah Barisan Nasional (BN) yang bukan sahaja berupaya menjaga keharmonian negara tetapi juga berjaya meningkatkan imej Islam di mata dunia.

"Di Malaysia kita sentiasa berusaha untuk menampilkan imej Islam yang sederhana, kita tidak tunjuk marah pada Barat dan tidak anti kepada bangsa lain, malah sebaliknya sentiasa cuba berbaik-baik dengan mereka seperti mana tuntutan agama kita," katanya berucap pada majlis perasmian kerja-kerja menaikkan taraf surau Kampung Bandarshah, dekat sini, malam tadi.

Turut hadir ialah bekas Menteri Pertanian dan penyandang kerusi Parlimen Petra Jaya Tan Sri Dr Sulaiman Daud, Menteri Pelancongan Negeri Datuk Seri Abang Johari Tun Openg, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Satok, Menteri Muda Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi dan calon muka baru BN bagi kawasan Parlimen Petra Jaya, Fadillah Yusof.

Menjelaskan lanjut, Abdul Taib berkata Malaysia sejak zaman pimpinan Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah berusaha memartabatkan agama Islam dengan menubuhkan Majlis Dakwah Asia-Pasifik yang berperanan menyebarkan agama Islam ke negara-negara di rantau itu.

"Memang pada mulanya agama Islam sukar diterima di sana, contohnya di New Guinea kerana mereka mengaitkan Islam dengan keganasan, tetapi bila mereka sendiri datang ke sini dan melihat bagaimana Islam yang kita amalkan, yang liberal, sederhana, ia telah membuka mata mereka tentang Islam yang sebenarnya.

"Ini menunjukkan perjuangan yang ikhlas mendapat keredhaaan Allah dan Islam yang liberal diamalkan oleh pemimpin-pemimpin kita sebelum ini membuatkan orang luar melihat Islam daripada perspektif yang berbeza," katanya.

Begitu juga katanya pada era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad, Malaysia telah berjaya menangkis imej umat Islam yang sering dikaitkan dengan keganasan berikutan peristiwa 11 September 2001 di Amerika Syarikat.

Jelasnya perjuangan pemimpin-pemimpin Islam yang liberal dan sederhana di negara ini adalah sejajar dengan konsep ajaran Islam sebenar yang menuntut umatnya sentiasa berbaik-baik antara satu-sama lain demi menjamin keharmonian masyarakat pelbagai kaum dalam negara dapat diteruskan.

Anggota DUN Satok, Abang Johari dalam ucapannya pula berkata salah satu kelebihan umat Islam di Sarawak ialah perpaduan kukuh yang terjalin di kalangan masyarakat.

Perpaduan itu perlu dipertingkatkan khasnya semasa pilihan raya memandangkan ada pihak yang akan cuba menggugatinya.

"Pemimpin-pemimpin Islam tidak boleh dilagakan, kita berkhidmat atas satu niat iaitu untuk `Lillahitaala', dan sebagai pemimpin inilah prinsip yang harus kita dokong untuk perkukuhkan perpaduan umat Islam," katanya.

Perpaduan juga katanya adalah amat penting bagi menjamin pembangunan negara dapat diteruskan tanpa sebarang masalah.

Sementara itu Fadillah dalam ucapannya pula berkata beliau berjanji untuk memberikan khidmat terbaik dan mahu membawa seluruh masyarakat ke arah kecemerlangan sekiranya mendapat mandat rakyat pada pilihan raya kali ini.

Bagaimanapun katanya usaha itu tidak akan dapat dilakukannya sendirian, sebaliknya rakyat harus bersama-sama berganding bahu untuk mengorak langkah ke arah itu.

-- BERNAMA

SNS MT PR